

PELAN STRATEGIK JABATAN PERTANIAN 2016-2020







ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Prakata	1
Latar Belakang	2-3
Hubungkait Perkhidmatan Teras Dan Objektif Dalam Pencapaian Visi Dan Misi Jabatan Pertanian	4
Misi Perkhidmatan Pelanggan	5
Piagam Pelanggan	6-7
Nilai-Nilai Teras	8
Kuasa Dan Undang – Undang	9-10
<i>Stakeholders</i> , Pelanggan Dan Golongan Sasar	11
Cabaran Di Dalam Pembangunan Sektor Pertanian	12
Peranan Jabatan Pertanian Dalam Transformasi Pembangunan Pertanian	13-15
Peranan Jabatan Pertanian Bagi Tempoh 2016-2020	16
Hala Tuju Jabatan Pertanian Bagi Tempoh 2016-2020	17
Pendekatan Pelaksanaan Projek RMKe-11 Jabatan Pertanian, 2016-2020	18-21
Rangkaian Strategik	22
Faktor Menentukan Kejayaan – Luaran Dan Dalaman	23-27
Rangka Kerja Bersepadu Dasar Dan Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11 Jabatan Pertanian, 2016-2020	28
Projek Pembangunan RMKe-11 Jabatan Pertanian, 2016-2020	29-32
Strategi Dan Pelan Tindakan Projek Pembangunan RMKe-11 Jabatan Pertanian, 2016-2020:	
1 Projek Tanam Semula Buah-Buahan Terpilih	33-34
2 Projek Bantuan Peningkatan Hasil Sayur-Sayuran	35-36
3 Projek Ekonomi Gantian Tembakau (PEGT)	37-38
4 Projek Pengeluaran Tanaman Makanan Menggunakan Sistem Teknologi Fertigasi	39-40
5 Projek Pembangunan Industri Tanaman Kelapa	41-43
6 Projek Pengeluaran Cendawan	44-45
7 Projek Pengeluaran Madu Asli	46-47
8 Projek Pembangunan Industri Kopi	48-50
9 Projek Pembangunan Kluster Buah – Durian	51-52
10 Projek Pembangunan Kluster Buah – Betik	53-54
11 Projek Pembangunan Kluster Buah – Pisang	55-56
12 Projek Pembangunan Kluster Buah – Rambutan	57-58

PERKARA	MUKA SURAT	
13	Projek Pembangunan Kluster Buah – Tembikai	59-60
14	Projek Pembangunan Kluster Buah – Mangga Harumanis	61-62
15	Projek NKEA <i>Agriculture</i> : (EPP 7) <i>Premium Market For Fruits And Vegetables</i>	63-65
16	Projek Pembangunan Ladang Organik	66-67
17	Projek Pembangunan Kluster Tanaman Kontan	68-69
18	Projek Pembangunan Pertanian Bandar	70-72
19	Projek Pengeluaran Benih Tanaman	73-74
20	Projek Pembangunan Kluster Bunga Dan Tanaman Hiasan	75-78
21	Projek Pengurusan Perosak Tanaman Industri Agromakanan Negara	79-82
22	Projek Pembangunan Pangkalan Geospatial Inventori Tanaman Negara Berpandukan Lot Kadaster	83-84
23	Projek Pembangunan Geoinformasi Tanah	85-87
24	Projek Menaiktaraf Kuarters Jabatan Pertanian	88
25	Projek Inovasi Teknologi Kejuruteraan Pertanian	89-91
26	Projek Pembinaan Pejabat Komoditi Lundang, Kota Bahru	92
27	Projek Pembangunan Tanah Terbiar	93-94
28	Projek Pengukuhan Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP)	95-96
29	Projek NKEA <i>Agriculture</i> : (EPP 1) <i>High Value Herbal Products</i>	97-99
30	Projek Pembangunan Kemudahan Latihan Teknologi Pertanian Moden Di Institut Pertanian Serdang	100-101
31	Projek Pembangunan Kemudahan Latihan Teknologi Pertanian Moden Di Institut Pertanian Kuala Lipis	102-104
32	Projek Pembangunan Kemudahan Latihan Teknologi Pertanian Moden Di Institut Pertanian Titi Gantong	105-106
33	Projek Menaiktaraf Pusat Latihan Pengembangan Pertanian Ayer Hitam, Johor Serta Kerja-Kerja Berkaitan	107-108
34	Projek Menaiktaraf Pusat Latihan Pengembangan Pertanian Besut, Terengganu Serta Kerja-Kerja Berkaitan	109-110
35	Projek Menaiktaraf Pusat Latihan Pengembangan Pertanian Teluk Chengai, Kedah Serta Kerja-Kerja Berkaitan	111-112
36	Projek Menaiktaraf Pusat Latihan Pertanian Degong, Pasir Salak	113
37	Projek <i>Agriculture Flagship (AgF)</i> : Fasa 2 (Pembangunan Portal E-extension Jabatan Pertanian)	114-115
38	Projek Latihan Petani	116-117



PRAKATA

Dokumen ini disediakan berdasarkan penilaian dan dengan mengambilkira pencapaian Pelan Strategik Jabatan Pertanian 2011-2015. Ia dirangka dengan matlamat memperkemaskan pelaksanaan program / projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) disamping memenuhi aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi dalam sub-sektor Tanaman Makanan dan Industri Hiliran ke arah pengwujudan negara berpendapatan tinggi serta mengambilkira aspek keterangkuman dan kemampanan dalam pembangunan negara. Pelan Strategik ini memberi penekanan kepada peranan yang perlu dimainkan oleh warga Jabatan supaya dapat merancang projek pembangunan yang berimpak tinggi, kos yang rendah dan dapat dilaksanakan dengan cepat. Pelan ini akan disemak apabila berlaku perubahan persekitaran dalaman dan luaran serta perubahan dari segi kehendak *stakeholder* dan pelanggan selaras dengan peruntukan pembangunan yang diluluskan.

Diharapkan seluruh warga kerja Jabatan Pertanian dapat menghayati dan memahami sepenuhnya hasrat murni Pelan Strategik 2016-2020 dan dapat diterjemahkan di peringkat pelaksanaan projek dan program.

Yang Berbahagia Dato' Ahmad Zakaria Bin Mohamad Sidek
Ketua Pengarah Pertanian
Jabatan Pertanian Malaysia
Oktober 2016

LATAR BELAKANG

Projek-projek Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Jabatan Pertanian telah dirangka bagi memenuhi aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi ke arah mewujudkan negara berpendapatan tinggi serta meliputi aspek keterangkuman dan kemampanan dalam pembangunan negara. Sebagai kesinambungan usaha untuk merealisasikan Wawasan 2020 yang bersandarkan kepada Misi Nasional dan konsep 1Malaysia, pendekatan baru telah dirangka dibawah RMKe-11 iaitu strategi Pembangunan Nasional Malaysia (MyNDS) disamping pendekatan berasaskan *outcome*. MyNDS adalah berasaskan ekonomi berteraskan rakyat (*people economy*) yang menekankan peningkatan kesejahteraan rakyat dan ekonomi berasaskan modal (*capital economy*) yang menumpukan kepada pencapaian pendapatan yang tinggi. MyNDS akan memberi keutamaan kepada inisiatif yang mempunyai impak tinggi terhadap kedua-dua teras tersebut dan boleh dilaksanakan segera dengan kos yang rendah. Bagi mengukuhkan perancangan dan penyediaan projek RMKe-11, setiap cadangan projek baharu akan dinilai menggunakan *Creativity Index* (CI) yang merupakan elemen strategi Lautan Biru. CI adalah nisbah faedah yang diterima oleh rakyat berbanding jumlah kos.

RMKe-11 Jabatan Pertanian telah digubal selaras dengan objektif Dasar Agromakanan Negara (DAN) iaitu menjamin bekalan makanan Negara yang mencukupi dan selamat dimakan, menjadikan industri agromakanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampan serta meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani. Tujuh (7) hala tuju strategik dan tujuh (7) industri khusus telah ditetapkan di bawah DAN. Bagi industri khusus, Jabatan Pertanian terlibat dalam pelaksanaan dua (2) industri iaitu industri tanaman seperti sayur, buah dan kelapa serta industri pertanian bernilai tinggi seperti herba & rempah ratus, florikultur dan cendawan. DAN mengunjurkan pengeluaran sayur-sayuran berkembang sebanyak 1.6%, 2.2% bagi buah-buahan dan 0.2% bagi beras setahun. Dalam tempoh yang sama, permintaan ke atas sayur-sayuran dijangka meningkat sebanyak 2.1% setahun, 1.6%



bagi buah-buahan dan 1.1% bagi beras. Tahap sara diri bagi beras ditingkatkan kepada 100%, manakala buah-buahan ditingkatkan daripada 102.4% kepada 106.9% dan daripada 90.46% kepada 93.63% bagi sayur-sayuran pada tahun 2020. Negara dijangka akan terus mengimport makanan yang tidak sesuai untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur beriklim sederhana, bawang dan cili kering. Kuantiti import sub-sektor tanaman makanan dijangka meningkat daripada 646,491 mt (2015) kepada 722,558 mt pada tahun 2020 bersandarkan pertumbuhan sebanyak 11.77 % setahun.

Bagi meningkatkan pendapatan petani, pelaksanaan RMKe-11 akan menjurus kepada peningkatan pengeluaran tanaman melalui pendekatan pembangunan tanaman secara kluster dan kepelbagaian pemprosesan produk pertanian dengan meliputi aktiviti pemindahan teknologi berteraskan Amalan Pertanian Baik (APB) , pembangunan modal insan dan pemberian perkhidmatan terbaik kepada semua golongan sasaran melalui sistem penyampaian perkhidmatan yang berinformasi (SPTP).

HUBUNGKAIT PERKHIDMATAN TERAS DAN OBJEKTIF DALAM PENCAPAIAN VISI DAN MISI JABATAN PERTANIAN

VISI

Ke arah mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.

MISI

Memberi Perkhidmatan Berkualiti Dan Berkesan Kepada Pengusaha-Pengusaha Pertanian Melalui Pengamalan Teknologi Terkini Dan Khidmat Regulatori Pertanian Untuk Meningkatkan Daya Pengeluaran Serta Memastikan Keselamatan Sektor Pertanian Negara.

TERAS DASAR AGROMAKANAN NEGARA (DAN), 2011-2020

1. Jaminan Bekalan Makanan – Kecukupan, Kebolehdapatan, Keselamatan dan Mampu Beli.
2. Pembangunan Pertanian Bernilai Tinggi.
3. Pembangunan Pertanian Mampan.
4. Kluster Pertanian Dinamik, Memaksimumkan Penjana Pendapatan.
5. Pelaburan Swasta Pemangkin Transformasi Pertanian Moden.
6. Modal Insan Pertanian Bestari dan Berinformasi.
7. Pemodenan Pertanian Berpacuan Penyelidikan & Pembangunan, Teknologi & Inovasi.
8. Keunggulan Khidmat Sokongan Pertanian.

TERAS STRATEGIK RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMKe-11), 2016-2020

1. **Memperkuh pembangunan inklusif.**
2. **Meningkatkan kesejahteraan rakyat.**
3. **Memanfaat bakat.**
4. **Menuju ke arah pertumbuhan hijau.**
5. **Memperkasa asas pertumbuhan.**
6. **Merekayasa pertumbuhan ekonomi.**

STRATEGI SEKTOR PERTANIAN DALAM RMKe-11

1. Meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, nelayan dan pekebun kecil.
2. Meningkatkan latihan dan pembangunan.
3. Memperkuh sokongan institusi dan khidmat pengembangan.
4. Memperkasa keupayaan koperasi dan pertubuhan pertanian di sepanjang rantaian bekalan
5. Menambahbaik akses pasaran dan logistik.
6. Memperluas akses pembiayaan pertanian.
7. Memperkuat program insentif berasaskan prestasi dan pensiilan.

PERKHIDMATAN TERAS

1. Memberi Khidmat Pengembangan dan Pembangunan Pertanian Melalui Pemindahan Teknologi Berteraskan Amalan Pertanian Baik di Sepanjang Rantaian Nilai bagi Meningkatkan Pengeluaran dan Pendapatan serta Memastikan Pengeluaran Bahan Makanan Yang Mencukupi, Berkualiti dan Selamat Dimakan.
2. Perkhidmatan Regulatori & Menguatkuasa Akta-Akta Yang Menjaga Keselamatan dan Kualiti Makanan Serta Melindungi Industri Pertanian Negara Dari Ancaman Perosak dan Penyakit Dari Luar Serta Memudahkan Perdagangan Antarabangsa.

OBJEKTIF

1. Memberi khidmat pengembangan dan pembangunan pertanian melalui pemindahan teknologi berteraskan Amalan Pertanian Baik di sepanjang rantaian nilai bagi meningkatkan pengeluaran dan pendapatan serta memastikan pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan.
2. Membimbing dan mewujudkan pengusaha pertanian yang progresif bagi meningkatkan produktiviti ladang dan pengeluaran pertanian negara.
3. Mewujudkan kumpulan tenaga yang terlatih dan mahir untuk keperluan industri pertanian.
4. Melindungi tanaman industri dan makanan daripada ancaman perosak dan penyakit melalui program perlindungan tanaman dan perkhidmatan biosekuriti tumbuhan.
5. Menentukan keluaran hasil-hasil tanaman makanan yang berkualiti dan selamat serta memelihara alam sekitar.
6. Mengawal bahan-bahan tanaman dan bahan janaplasma negara daripada di bawa keluar negara dan terancam pupus.

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN



**“ANDA KAMI
UTAMAKAN”**



PIAGAM PELANGGAN

1. Khidmat perundingan & nasihat teknikal akan diberi dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh terima permohonan yang lengkap.
2. Khidmat kepakaran analisis makmal dalam tempoh hari bekerja dari tarikh terima permohonan yang lengkap seperti berikut:
 - i. Analisis tanah
 - ringkas dalam tempoh 7 hari.
 - separa dalam tempoh 35 hari.
 - lengkap dalam tempoh 60 hari.
 - ii. Analisis baja
 - ringkas dalam tempoh 7 hari.
 - lengkap dalam tempoh 35 hari.
 - iii. Analisis daun dalam tempoh 30 hari.
3. Khidmat Regulatori
 - A. Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 : Keputusan bagi permohonan sijil / permit / lesen yang memenuhi syarat / keperluan dalam tempoh hari bekerja dari tarikh terima permohonan yang lengkap seperti berikut:
 - i. Permit import bagi tumbuhan, bahan tanaman, media tanaman, bahan pembungkus, tanah, baja organik dan organisma berfaedah dalam tempoh 5 hari.
 - ii. Sijil Fitosanitasi dan Sijil CITES (*Convention on International Trade in Endangered Species*) dalam tempoh 2 hari.
 - B. Akta Racun Makhluk Perosak 1974 : Keputusan bagi permohonan sijil / permit / lesen yang memenuhi syarat / keperluan dalam tempoh hari bekerja dari tarikh terima permohonan yang lengkap seperti berikut:
 - i. Permit import racun makhluk perosak yang tidak berdaftar untuk tujuan pelajaran / penyelidikan dalam tempoh 10 hari.
 - ii. Pelesenan pemakai dan pembantu pemakai racun makhluk perosak dalam tempoh 10 hari.
 - iii. Pelesenan premis untuk menjual / menyimpan untuk jualan dalam tempoh 15 hari.



4. Khidmat Inspektorat (Pensijilan & Pengesahan)
 - A. Keputusan bagi permohonan pensijilan yang memenuhi syarat dalam tempoh hari bekerja dari tarikh terima permohonan yang lengkap seperti berikut:
 - i. Pensijilan myGAP (Malaysian Good Agriculture Practices) dalam tempoh 2 tahun
 - ii. Pensijilan myOrganic (Malaysian Organic) dalam tempoh 3 tahun
 - B. Pensijilan yang memenuhi syarat / keperluan dalam tempoh hari bekerja dari tarikh terima permohonan yang lengkap seperti berikut:
 - i. Pensijilan MPCA (Malaysian Phytosanitary Certification Assurance Scheme), MAFAS (Malaysian Fumigation Accreditation Scheme) dan MAHTAS (Malaysian Heat Treatment Accreditation Scheme) dalam tempoh 30 hari.
 - C. Perakuan pengesahan kualiti bagi konsainan benih padi dan bahan tanaman yang memenuhi syarat dan standard dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh terima permohonan yang lengkap.
5. Aduan pelanggan akan dijawab dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh terima aduan.

NILAI-NILAI TERAS

Nilai-nilai yang menjadi pegangan bersama dan mendorong warga Jabatan Pertanian ke arah pencapaian visi ialah:

- **Bertindak sebagai satu pasukan**
Ke arah pencapaian visi, misi dan peningkatan keberkesanan serta imej Jabatan Pertanian.
- **Profesional dan mempunyai kepakaran**
Menghayati dan mengamalkan sikap profesional dan mempunyai kepakaran meliputi komitmen yang tinggi, bertanggungjawab, gigih, berkemahiran, bijaksana, berkemampuan, kreatif, inovatif, bermutu, berdaya saing, tekun dan tabah dalam menjalankan tugas.
- **Sentiasa bertindak cemerlang dan bersikap unggul**
Mengutamakan kecemerlangan dan keunggulan melalui prestasi kerja terbaik / berkualiti tinggi, mengutamakan pelanggan, mendapatkan pelbagai kemahiran bagi melaksanakan tugas, berdedikasi dan berdisiplin tinggi.
- **Berintegriti dan berwibawa**
Mengamalkan sifat-sifat terpuji, termasuk dapat menyesuaikan diri dalam semua keadaan, bersedia menerima kritikan dan teguran, memelihara penampilan diri serta berbudi bahasa.
- **Berilmu menerusi pembelajaran berterusan**
Meneruskan pembelajaran melalui pelbagai cara untuk peningkatan diri termasuk melalui pengalaman dan menggalakkan anggota lain untuk turut belajar.



KUASA DAN UNDANG-UNDANG

Dalam menjalankan fungsi, projek dan aktiviti berkaitan pertanian, Jabatan Pertanian menjalankan kuasanya berasaskan peruntukan undang-undang berikut:

1. Akta-Akta di bawah Jabatan Pertanian:

- i. Akta Racun Makhluk Perosak, 1974
- ii. Akta Kuarantin Tumbuhan, 1976 dan Peraturan-peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981
- iii. Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan, 2004

2. Akta-Akta Lain:

- i. Akta Fi, 1951
- ii. *Hydrogen Cyanide (Fumigation) Act*, 1953
- iii. *Land Conservation Act*, 1960
- iv. Kanun Tanah Negara, 1965
- v. Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974
- vi. *Town And Country Planning Act*, 1976
- vii. Akta Makanan, 1983
- viii. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994
- ix. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport), 1998
- x. *International Trade of Endangered Species Act*, 2008
- xi. Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), 2011
- xii. Enakmen Tanah Negeri

3. Arahan Pentadbiran:

- i. Arahan Perbendaharaan
- ii. Perintah-Perintah Am (Bab B, C, E, F, dan G)
- iii. Perlembagaan Persekutuan Bahagian 10 – Perkhidmatan Awam
- iv. Akta Prosedur Kewangan, 1957
- v. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib), 1993
- vi. Akta Arkib Negara, 2003
- vii. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Pelantikan Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan, 2005



‘STAKEHOLDERS’

Stakeholders Jabatan terdiri daripada:

‘Stakeholders’

- YAB Perdana Menteri
- YAB Timbalan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Negara
- Jemaah Menteri
- Menteri Besar / Ketua Menteri
- Menteri Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
- Timbalan Menteri Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
- Exco-Exco Pertanian Kerajaan Negeri

PELANGGAN

Pelanggan Jabatan terdiri daripada:

Pelanggan

- Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan berkaitan
- Badan Berkanun
- Sektor Swasta
- Pengusaha
- Usahawan
- Orang awam yang berminat dalam bidang pertanian
- Badan Bukan Kerajaan (NGO)
- Persatuan-persatuan dalam bidang pertanian

GOLONGAN SASAR / PELANGGAN LANGSUNG

Golongan sasaran Jabatan adalah:

Golongan Sasar / Pelanggan Langsung

- Pengusaha Projek
- Pengusaha IAT
- Usahawantani / IAT
- Sektor swasta

CABARAN DI DALAM PEMBANGUNAN SEKTOR PERTANIAN

Antara cabaran yang dihadapi adalah seperti berikut:

- i. Produktiviti pengeluaran yang rendah
- ii. Peningkatan kos pengeluaran
- iii. Pelaburan pihak swasta yang berkurangan
- iv. Kemampuan petani sedia ada
- v. Penggunaan aplikasi teknologi & ICT yang rendah
- vi. Penyelarasan pengurusan pemasaran
- vii. Kemudahan pembiayaan yang terhad
- viii. Tanah pertanian yang terhad



PERANAN JABATAN PERTANIAN DALAM TRANSFORMASI PEMBANGUNAN PERTANIAN

Bagi menghadapi senario masa kini dan masa hadapan, Jabatan Pertanian akan terus memainkan peranan tradisional, peranan semasa dan peranan baru masa hadapan seperti berikut:

1. Peranan sebagai 'pacesetter', pemimpin dan pembimbing

Jabatan Pertanian bertindak sebagai peneraju khidmat kepakaran teknikal dan pemindahan teknologi untuk menentukan pembangunan yang berterusan dalam sub-sektor tanaman makanan dan industri hiliran. Ini dilaksanakan melalui pemindahan dan pengamalan teknologi bagi mencapai matlamat pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan. Pengamalan teknologi secara persekitaran terkawal seperti sistem fertigasi dan struktur pelindung hujan diperluaskan bagi meningkatkan pengeluaran.

Jabatan Pertanian memainkan peranan sebagai 'innovator' dalam penghasilan produk pertanian berkualiti yang dapat menepati tahap piawaian antarabangsa dengan memperkenalkan *Malaysian Phytosanitary Certification Scheme* (MPCA), *Malaysian Fumigation Accreditation Scheme* (MAFAS), *Malaysian Heat Treatment Accreditation Scheme* (MAHTAS), Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic).

Di samping itu, Jabatan juga telah memperkenalkan konsep baru bagi pembangunan tanaman dan industri hiliran termasuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan pembangunan secara kluster. Jabatan juga berperanan di dalam pembangunan modal insan melalui program usahawan tani (Pusat Inkubator Pertanian), latihan usahawan pemprosesan makanan dan industri hiliran (Pusat Bimbingan Usahawan, PBU) dan Latihan Sijil Pertanian (Institut Pertanian).

2. Peranan sebagai Fasilitator

Jabatan Pertanian bertindak sebagai fasilitator bagi menarik minat swasta melabur di dalam sektor pertanian melalui pelbagai perkhidmatan termasuk seminar pelaburan yang memberi fokus kepada perkara-perkara seperti insentif pengecualian cukai, urusan kemasukan pekerja asing, dan penemusuaan antara pengusaha, pemilik tanah dan pembeli. Jabatan Pertanian juga menjadi pemudahcara dalam menjayakan projek-projek pertanian melalui konsep MoA Inc.

Jabatan Pertanian juga menyediakan perkhidmatan kepakaran teknikal seperti khidmat diagnostik dan pengurusan perosak tumbuhan, siasatan tanah, perkhidmatan makmal, pendaftaran kultivar, pendaftaran ladang dan premis, pengeluaran benih tanaman dan maklumat statistik pertanian.

Jabatan Pertanian juga menjadi fasilitator untuk mendapatkan laluan pasaran bagi meningkatkan pengeksportan produk-produk pertanian negara.

3. Peranan sebagai 'regulator'

Jabatan Pertanian bertindak sebagai '*regulator*' dalam penguatkuasaan Akta-Akta seperti Akta Kawalan Racun Makhluq Perosak, 1974; Akta Kuarantin Tumbuhan, 1976 dan Peraturan-peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981; Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport), 1988; Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan, 2004 dan *International Trade of Endangered Species Act*, 2008 .

Jabatan Pertanian juga berperanan sebagai agensi yang mengesahkan dan memantau kualiti benih padi sah yang dikeluarkan dan dibekalkan oleh syarikat swasta yang dilantik. Peranan ini dijalankan oleh Jabatan Pertanian melalui Skim Pengesahan Benih Padi Sah. Di dalam skim ini, Jabatan Pertanian bertanggungjawab memantau kualiti benih padi sah yang dikeluarkan oleh syarikat dilantik dapat mematuhi semua syarat,



prosedur dan piawaian yang ditetapkan bagi memenuhi keperluan bekalan benih untuk keseluruhan kawasan penanaman. Aktiviti skim pengesanan ini merangkumi pengesanan ladang benih, pemeriksaan premis, pemeriksaan loji pemprosesan, persampelan dan ujian biji benih di makmal serta menjalankan pengauditan pematuhan di loji-loji pemprosesan biji benih padi.

Di samping itu, Jabatan Pertanian juga telah mewujudkan Skim Pengesanan Bahan Tanaman (SPBT) bertujuan untuk memperakukan bahan tanaman selain padi bagi menjamin ketulenan baka dan kualitinya. Pengeluaran bahan tanaman tulen dan berkualiti hanya dapat dilakukan melalui pematuhan prosedur pengeluaran bahan tanaman dan pencapaian standard yang ditetapkan.

PERANAN JABATAN PERTANIAN BAGI TEMPOH 2016-2020

Peranan Jabatan Pertanian dalam pembangunan industri pertanian akan ditumpukan kepada khidmat kepakaran teknikal dan pemindahan teknologi kepada pelanggan dan golongan sasaran seperti ditunjukkan dalam gambarajah dibawah:





HALA TUJU JABATAN PERTANIAN BAGI TEMPOH 2016-2020

Berikut adalah hala tuju Jabatan Pertanian bagi tempoh 2016 – 2020 berteraskan kepada hala tuju strategik Dasar Agromakanan Negara (DAN):

1. Meningkatkan pengeluaran dan produktiviti tanaman
2. Pembangunan tanaman mengikut kluster
3. Memperluaskan Amalan Pertanian Baik (APB)
4. Penerokaan pertanian bernilai tinggi
5. Mempertingkatkan aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian dan kepelbagaian produk
6. Pembangunan sumber manusia yang berinformasi
7. Memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan

PENDEKATAN PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 JABATAN PERTANIAN, 2016-2020

Pendekatan pelaksanaan yang telah dikenalpasti untuk menghasilkan *outcome* bagi projek RMKe-11 adalah seperti berikut :



i. Pelaksanaan secara bersepadu dan fokus kepada ‘*people centric*’

Perancangan dibuat secara menyeluruh dengan mengambilkira semua aspek teknikal dan pengurusan projek secara bersepadu yang melibatkan semua Bahagian berkaitan dan fokus kepada ‘*people centric*’.

ii. Pemindahan teknologi secara pakej

Melaksanakan pemindahan teknologi secara pakej bagi pembangunan tanaman yang dikenalpasti sama ada di kawasan sedia ada ataupun kawasan baru. Teknologi yang diaplikasikan meliputi pengurusan tanah, pengurusan tanaman, kawalan perosak, pengendalian lepas tuai, pemprosesan dan pemasaran yang melibatkan beberapa Bahagian akan disepadukan bagi memastikan projek berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan. Teknologi yang ditawarkan adalah selaras dengan pendekatan berasaskan rantai nilai bagi meningkatkan daya saing dan kemampuan sektor mengikut *business model* tanaman (buah-buahan dan sayur-sayuran) yang telah ditetapkan seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Contoh Bisnes Model



iii. Fokus kawasan pengeluaran mengikut komoditi terpilih berasaskan pendekatan kluster

Kawasan pengeluaran dibangunkan mengikut tanaman akan ditumpukan kepada kawasan-kawasan sedia ada dan dibangunkan sebagai satu kluster bagi memastikan peruntukan yang terhad digunakan sebaik mungkin untuk mencapai matlamat projek yang dilaksanakan oleh Jabatan. Pembahagian peruntukan akan dilaksanakan mengikut pembangunan kluster tanaman yang dikenalpasti selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN) dan projek NKEA yang terlibat secara langsung dengan Jabatan Pertanian seperti EPP1: *High value herbal products*, EPP7: *Upgrading capabilities to produce fruits and vegetables for premium markets* dan EPP14: *Establishing leadership position in regional breeding services*.

iv. Jaminan keselamatan makanan

Bagi menjamin keselamatan dan kualiti hasil, Jabatan Pertanian akan terus melaksanakan khidmat regulatori dan penguatkuasaan akta-akta pertanian untuk memastikan industri sentiasa mengamalkan sikap bertanggungjawab bagi meminimumkan impak negatif ke atas pengguna, haiwan dan alam sekitar. Selain itu, Jabatan Pertanian akan memberi perkhidmatan analisis sisabaki racun perosak bagi menyokong usaha-usaha ke arah Amalan Pertanian Baik. Untuk meningkatkan perdagangan global, Jabatan Pertanian akan memastikan pengeksport mematuhi peraturan antarabangsa mengenai keperluan SPS. Jabatan Pertanian juga akan menguatkuasakan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan untuk memberi perlindungan hak pembiakbaka bagi varieti baru dan pengiktirafan ke atas sumbangan petani, masyarakat tempatan dan peribumi.

Jabatan Pertanian juga melaksanakan perkhidmatan Skim Pengesahan Benih Padi bagi menjamin bekalan benih padi berkualiti yang mampan



dan mencukupi untuk seluruh kawasan penanaman. Biji benih merupakan input asas dalam pengeluaran pertanian. Penggunaan benih berkualiti yang mencukupi akan meningkatkan pengeluaran. Bagi tujuan ini, Jabatan Pertanian berperanan sebagai satu agensi inspektorat yang memperakukan kualiti biji benih padi yang dikeluarkan oleh syarikat swasta dari aspek ketulenan genetik dan kualiti benih setelah biji benih melalui segala prosedur dan memenuhi piawaian ditetapkan bagi menjamin prestasi pengeluaran. Di samping itu, untuk meningkatkan produktiviti, Jabatan Pertanian mempromosikan teknologi dan aktiviti penanaman padi berskala besar untuk menjamin pengeluaran padi yang mampan.

Jabatan Pertanian juga melaksanakan Skim Pengesahan Bahan Tanaman untuk memastikan ketulenan dan kualiti bahan tanaman terjamin supaya dapat meningkatkan produktiviti tanaman.

v. Pembangunan modal insan

Jabatan Pertanian akan terus memberi pelbagai jenis latihan dan kursus untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan kepakaran pegawai. Langkah ini diambil bagi memastikan pemindahan teknologi dapat disampaikan kepada golongan sasaran dengan berkesan dan dapat mencapai matlamat peningkatan produktiviti, pengeluaran dan pendapatan golongan sasaran. Di samping itu, Jabatan juga menggalakkan kerjasama dengan industri untuk meningkatkan kemahiran perniagaan tani pegawai melalui sandaran (*attachment*) dengan pihak industri.

RANGKAIAN STRATEGIK

Jabatan Pertanian memerlukan penglibatan, sokongan dan kerjasama semua 'stakeholders', pelanggan dan warga Jabatan untuk melaksanakan projek serta aktiviti dengan berkesan melalui forum / mekanisma berikut :

- i. Mesyuarat dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- ii. Mesyuarat dengan Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- iii. Mesyuarat dengan Kementerian, Jabatan dan Agensi Lain selain mesyuarat di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- iv. Mesyuarat Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP)
- v. Mesyuarat MOA Inc
- vi. Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pertanian
- vii. Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Jabatan Pertanian
- viii. Mesyuarat Pengarah – Pengarah Jabatan Pertanian
- ix. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Jabatan Pertanian
- x. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi Jabatan Pertanian
- xi. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Perosak Nasional
- xii. Mesyuarat Jawatankuasa Perosak Asing Berbahaya (IAS) Nasional
- xiii. Mesyuarat Kumpulan Kerja Standard – SIRIM



- xiv. Mesyuarat Jawatankuasa Laluan Pasaran
- xv. Mesyuarat Jawatankuasa Skim-Skim Pensijilan Kualiti Pertanian
- xvi. Mesyuarat Penyelarasan Kuarantin Tumbuhan Komponen-Komponen Wilayah
- xvii. *Technical Working Group (TWG) DOA-MARDI*
- xviii. *Technical Working Group (TWG) DOA-LPNM*
- xix. *Technical Working Group (TWG) DOA-LKM*
- xx. *Technical Working Group (TWG) DOA-FAMA*
- xxi. Mesyuarat-mesyuarat Antarabangsa seperti di peringkat *Association Of Southeast Asian Nations (ASEAN), World Trade Organization (WTO), Food And Agriculture Organization (FAO), Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC), International Plant Protection Convention (IPPC), Convention on Biodiversity (CBD), Asia and Pacific Plant Protection Commission (APPPC), Montreal Protocol-Cartaghena*, kerjasama dua-hala atau pelbagai hala dan lain-lain.

FAKTOR MENENTUKAN KEJAYAAN – LUARAN DAN DALAMAN

A. Faktor-faktor luaran yang telah dikenalpasti mempunyai implikasi terhadap pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan Pertanian yang meliputi peluang dan ancaman adalah seperti berikut:

1. Peluang

- Pengeluaran produk pertanian masih belum mencukupi untuk keperluan pasaran tempatan dan eksport.
- Peluang pasaran yang lebih luas akibat globalisasi.
- Peningkatan minat dan penglibatan syarikat swasta dalam industri pengeluaran tanaman makanan.
- Peningkatan permintaan terhadap produk-produk baru seperti produk organik dan herba.



2. Ancaman

- Peningkatan kos pengeluaran disebabkan peningkatan kos input.
- Kekurangan tanah baharu untuk pertanian kerana persaingan dengan sektor lain.
- Kekurangan tenaga kerja di bidang pertanian akibat persaingan dengan sektor lain.
- Petani kecil (tradisional) sukar dilibatkan dalam aktiviti pertanian komersial.
- Adaptasi terhadap perubahan teknologi masih rendah terutama di kalangan petani tradisional.
- Tuntutan dan ekspektasi yang meningkat daripada *stakeholders* dan pelanggan.
- Perubahan-perubahan dasar dan peraturan perdagangan antarabangsa seperti WTO, ISPM.
- Perubahan iklim (*climate change*) seperti berlaku banjir, El-Nino, La-Nina, tanah runtuh dan lain-lain.

B. Faktor-faktor dalaman yang telah dikenalpasti mempunyai implikasi terhadap pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan Pertanian yang meliputi kekuatan dan kelemahan adalah seperti berikut:

1. Kekuatan


- Mempunyai sumber manusia dalam pelbagai bidang kepakaran.
- Mempunyai struktur organisasi yang membahagikan tugas dan tanggungjawab dengan jelas.
- Mempunyai iklim makro yang baik.
- Mempunyai infrastruktur dan kemudahan bagi tujuan pembangunan pertanian.
- Sistem jaminan kualiti hasil keluaran melalui pensijilan myGAP dan myOrganic telah diwujudkan.
- Akta-akta seperti Akta Kuarantin Tanaman, Akta Racun MakhluK Perosak dan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan dikuatkuasakan.



2. Kelemahan

- Kualiti produk masih perlu ditingkatkan.
- Pengeluaran tidak konsisten.
- Pengeluaran berskala besar masih rendah.
- Pakej teknologi bersepadu untuk pengeluaran, kawalan perosak dan penyakit serta aktiviti lepas tuai masih perlu ditingkatkan.
- Kawasan baru untuk tujuan pembangunan pertanian sangat terhad.

RANGKA KERJA BERSEPADU DASAR DAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 JABATAN PERTANIAN, 2016-2020





PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 JABATAN PERTANIAN, 2016-2020

Teras Strategik 1	:	Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama
Bidang Fokus Utama A (BF A)	:	Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah
<i>Outcome</i> RMKe-11	:	Peningkatan saiz isi rumah kelas menengah
Strategi	:	A1 : Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40
KPI Nasional	:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pendapatan bulanan purata isi rumah daripada RM2,537 kepada RM5,270 2. Pendapatan bulanan pengengah isi rumah daripada RM2,629 kepada RM5,701 3. Saiz kelas menengah daripada 33% kepada 45% 4. Pengurangan Pekali Gini daripada 0.401 kepada 0.385
Projek Jabatan	:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tanam Semula Buah-Buahan Terpilih 2. Bantuan Peningkatan Hasil Sayur-Sayuran 3. Ekonomi Gantian Tembakau (PEGT) 4. Pengeluaran Tanaman Makanan Menggunakan Sistem Teknologi Fertigasi 5. Pembangunan Industri Tanaman Kelapa 6. Pengeluaran Cendawan 7. Pengeluaran Madu Asli 8. Pembangunan Industri Kopi 9. Pembangunan Tanah Terbiar

PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 JABATAN PERTANIAN, 2016-2020

Teras Strategik 3	:	Meningkatkan Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju
Bidang Fokus Utama B (BF B)	:	Mentransformasi TVET Untuk Memenuhi Permintaan Industri
<i>Outcome</i> RMKe-11	:	Graduan TVET yang berkualiti dan memenuhi keperluan pasaran.
Strategi	:	B3 : Memperkasa kualiti dan penyampaian program TVET untuk menambah baik kebolehpasaran graduan.
KPI Nasional	:	45% pelajar lepasan SPM (225,000) mengikuti aliran TVET di peringkat tertiar pada 2020
Projek Jabatan	:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembangunan Kemudahan Latihan Teknologi Pertanian Moden Di Institut Pertanian Serdang 2. Pembangunan Kemudahan Latihan Teknologi Pertanian Moden Di Institut Pertanian Kuala Lipis 3. Pembangunan Kemudahan Latihan Teknologi Pertanian Moden Di Institut Pertanian Titi Gantung, Perak



PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 JABATAN PERTANIAN, 2016-2020

Teras Strategik 6 :	Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran
Bidang Fokus Utama C (BF C) :	Memodenkan sektor pertanian
Outcome RMKe-11 :	Modenisasi bagi menjamin bekalan makanan dan bahan mentah serta menjana pendapatan lebih tinggi dalam kalangan petani, nelayan dan pekebun kecil.
Strategi :	<p>C1 : Meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, nelayan dan pekebun kecil</p> <p>C2 : Meningkatkan latihan dan pembangunan agropreneur muda</p> <p>C3 : Memperkukuh sokongan institusi dan khidmat pengembangan</p> <p>C5 : Menambah baik akses pasaran dan sokongan logistik</p>
KPI Nasional :	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.5% 2. Menyumbang RM519 bilion atau 8.2% kepada KDNK 3. Sumbangan kepada jumlah eksport sebanyak 7.8% pada tahun 2020 4. Kadar pertumbuhan purata tahunan produktiviti buruh sebanyak 3.6% 5. Pendapatan purata sekurang-kurangnya RM2,500/bulan
Projek Jabatan :	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembangunan Kluster Buah - Durian 2. Pembangunan Kluster Buah - Betik 3. Pembangunan Kluster Buah - Pisang 4. Pembangunan Kluster Buah - Rambutan 5. Pembangunan Kluster Buah - Tembikai 6. Pembangunan Kluster Buah - Mangga Harumanis 7. NKEA Agriculture : (EPP 7) <i>Premium Market For Fruits And Vegetables</i> 8. Pembangunan Ladang Organik

	<ol style="list-style-type: none">9. Pembangunan Kluster Tanaman Kontan10. Pembangunan Pertanian Bandar11. Pengeluaran Benih Tanaman12. Pembangunan Kluster Bunga dan Tanaman Hiasan13. Pengurusan Perosak Tanaman Industri Agromakanan Negara14. Pembangunan Pangkalan Geospatial Inventori Tanaman Negara Berpandukan Lot Kadaster15. Pembangunan Geoinformasi Tanah16. Menaiktaraf Kuarters Jabatan Pertanian17. Inovasi Teknologi Kejuruteraan Pertanian18. Pembinaan Pejabat Komoditi Lundang, Kota Bahru19. Pengukuhan Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP)20. Projek NKEA <i>Agriculture</i> : (EPP 1) <i>High Value Herbal Products</i>21. Menaiktaraf Pusat Latihan Pengembangan Pertanian Ayer Hitam, Johor Serta Kerja-Kerja Berkaitan22. Menaiktaraf Pusat Latihan Pengembangan Pertanian Besut, Terengganu Serta Kerja-Kerja Dan Berkaitan23. Menaiktaraf Pusat Latihan Pengembangan Pertanian Teluk Chengai, Kedah Serta Kerja-Kerja Berkaitan24. Menaiktaraf Pusat Latihan Pertanian Degong, Pasir Salak25. Projek Agriculture Flagship (AgF) : Fasa 2 (Pembangunan Portal E-extension Jabatan Pertanian)26. Projek Latihan Petani
--	--



STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 JABATAN PERTANIAN, 2016-2020

Strategi dan pelan tindakan mengikut Projek Pembangunan 2016-2020 adalah seperti berikut:

1. Projek Tanam Semula Buah-Buahan Terpilih

Penerangan Projek:

Melalui projek ini, pengusaha akan diberikan insentif dalam bentuk input seperti menukar tanaman sedia ada kepada varieti yang disyorkan sama ada secara sulaman atau cantuman dewasa atau lain-lain input yang bersesuaian dengan kadar RM6,000/ha. Jenis buah-buahan terpilih yang difokuskan adalah daripada senarai buah-buahan yang diberi tumpuan dalam Dasar Agro Makanan Negara seperti durian, nangka/cempedak, manggis, limau besar, mangga, duku langsung/dokong, rambutan dan limau manis.

Skop:

Kadar maksimum RM6,000 sehektar meliputi:

- i. Pembersihan dan penyediaan kawasan
- ii. Pembelian input dan peralatan pertanian serta penggantian anak pokok termasuk kerja-kerja cantasan dan cantuman

Outcome:

- i. Peningkatan pengeluaran daripada 14,000 tan pada tahun 2016 kepada 70,000 tan pada tahun 2020 bagi buah-buahan terpilih.
- ii. Peningkatan pendapatan petani daripada RM2,500/orang/bulan pada tahun 2016 kepada RM3,000/orang/bulan pada tahun 2020.

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
Jenis buah-buahan terpilih yang difokuskan adalah daripada senarai buah-buahan yang diberi tumpuan dalam Dasar Agromakanan Negara seperti durian, nangka / cempedak, manggis, limau besar, mangga, duku langsung / dokong, rambutan dan limau manis.	a) Pembersihan dan penyediaan kawasan sedia ada.	- Keluasan (ha)	- 1,750	2016
			- 1,750	2017
			- 1,750	2018
			- 1,750	2019
			- 1,750	2020
	b) Perolehan input pertanian dan peralatan pertanian.	- Bilangan Petani (orang)	- 2,000	2016
			- 2,000	2017
			- 2,000	2018
			- 2,000	2019
			- 2,000	2020
	c) Bekalan anak pokok dan bahan tanaman.	- Pengeluaran (tan)	- 14,000	2016
			- 28,000	2017
			- 42,000	2018
			- 56,000	2019
			- 70,000	2020
	- Pendapatan (RM / orang / bulan)	- 2,500	2016	
		- 2,600	2017	
		- 2,700	2018	
		- 2,800	2019	
		- 3,000	2020	



2. Projek Bantuan Peningkatan Hasil Sayur-Sayuran

Penerangan Projek:

Jabatan Pertanian melalui projek-projek pertanian kelompok sehingga kini telah membangunkan seluas 7,000 hektar dengan melibatkan 6,400 petani melalui 634 buah kelompok sayur-sayuran di seluruh negara. Projek-projek ini menyumbangkan sebahagian besar daripada pengeluaran sayur-sayuran negara untuk pasaran tempatan dan eksport. Pembangunan projek ini telah bermula sejak lama dahulu dengan sedikit peruntukan daripada kerajaan terutamanya untuk pembangunan kawasan dan sedikit infrastruktur asas.

Skop:

Kadar maksimum RM6,000 sehektar meliputi:

- i. Pembersihan kawasan dan penyediaan infrastruktur ladang.
- ii. Perolehan bahan-bahan input serta jentera / peralatan.

Outcome:

- i. Peningkatan pengeluaran sayur-sayuran dan tanaman kontan daripada 43,000 tan pada tahun 2016 kepada 170,000 tan pada tahun 2020.
- ii. Peningkatan pendapatan petani daripada RM1,500/orang/bulan pada tahun 2016 kepada RM2,000/orang/bulan pada tahun 2020.

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
Menggalakkan pelaksanaan projek sedia ada secara komersil dan meningkatkan produktiviti tanaman bagi meningkatkan pengeluaran hasil sayur – sayuran.	a) Pembersihan dan penyediaan kawasan sedia ada.	- Keluasan (ha)	- 1,500	2016
			- 670	2017
			- 1,000	2018
			- 1,000	2019
			- 1,200	2020
	b) Penyediaan input pertanian seperti benih, baja, racun, jentera pertanian dan peralatan kecil ladang.	- Bilangan Petani (orang)	- 880	2016
			- 850	2017
			- 1,280	2018
			- 1,280	2019
			- 1,500	2020
	c) Menyediakan infrastruktur ladang merangkumi binaan jalan ladang, sistem pengairan, sistem perparitan dan pagar sempadan.	- Pengeluaran (tan)	- 43,000	2016
			- 64,000	2017
			- 96,000	2018
			- 130,000	2019
			- 170,000	2020
		- Pendapatan (RM / orang / bulan)	- 1,500	2016
			- 1,600	2017
			- 1,750	2018
			- 1,850	2019
			- 2,000	2020
- Produktiviti (tan/ha)	- 12.0	2016		
	- 13.0	2017		
	- 13.5	2018		
	- 14.0	2019		
	- 15.0	2020		



3. Projek Ekonomi Gantian Tembakau (PEGT)

Penerangan Projek:

Susulan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah LKTN Bil 1/2013 pada 30 Januari 2013 yang bersetuju diadakan perbincangan supaya pengusaha integrasi serta bekas penanam tembakau di bawah seliaan LKTN diletakkan di bawah tanggungjawab MoA disebabkan mereka tidak lagi terlibat dengan penanaman tembakau. Seajar dengan matlamat LKTN untuk memberi tumpuan kepada tanaman komoditi iaitu kenaf dan kawalan tembakau. Semua peserta yang telah menjalankan projek integrasi dan fertigasi dari LKTN dan tidak lagi terlibat dengan program LKTN sedia ada seperti penanaman kenaf, tembakau, koperasi dan enterprise kecil & sederhana (EKS) diserahkan kepada MoA. Bilangan peserta terlibat seramai 1,018 orang diserahkan kepada MoA yang kini menjalankan program aktiviti ekonomi lain seperti program integrasi tanaman dan ternakan, serta fertigasi bagi membantu memberi nilai tambah kepada pengusaha tembakau.

Skop:

i. Pembangunan kawasan Tanaman Makanan Kepada Bekas Peserta LKTN:

Kadar maksimum RM8,000 sehektar untuk tanaman sayur-sayuran, tanaman kontan, dan buah-buahan (melon, betik, pisang dan tembikai) meliputi pembersihan kawasan, penyediaan infrastruktur ladang, bahan-bahan input serta jentera pertanian dan peralatan ladang. Pakej perkhidmatan merangkumi pembersihan kawasan hingga pemasaran hasil.

ii. Pelaksanaan Pemberian Khidmat Nasihat serta Latihan Petani:

Memberikan khidmat nasihat serta latihan kepada petani melalui kursus, bengkel dan seminar petani serta memberi pengiktirafan kepada petani dan usahawan tani.

Outcome:

- i. Peningkatan pengeluaran daripada 5,000 tan pada tahun 2016 kepada 21,000 tan pada tahun 2020.
- ii. Penambahan pendapatan petani sebanyak RM100/orang/bulan pada tahun 2016 kepada RM500/orang/bulan menjelang tahun 2020.

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
Membangunkan tanaman makanan di kawasan sedia ada yang sebelum ini ditanam dengan tembakau.	a) Pembersihan kawasan ladang sedia ada dan baru.	- Keluasan (ha)	- 320	2016
			- 120	2017
			- 120	2018
			- 180	2019
			- 180	2020
	b) Menyediakan infrastruktur ladang merangkumi kos binaan jalan ladang, sistem pengairan, sistem perparitan, pagar sempadan dan pusat pengumpulan hasil ladang.	- Bilangan Petani (orang)	- 130	2016
			- 85	2017
			- 85	2018
			- 130	2019
			- 130	2020
	c) Penyediaan input pertanian seperti benih, baja, racun, jentera kecil pertanian dan peralatan ladang.	- Pengeluaran (tan)	- 5,000	2016
			- 8,000	2017
			- 10,000	2018
			- 16,000	2019
			- 21,000	2020
	- Penambahan Pendapatan (RM / orang / bulan)	- 100	2016	
		- 200	2017	
		- 300	2018	
		- 400	2019	
		- 500	2020	



4. Projek Pengeluaran Tanaman Makanan Menggunakan Sistem Teknologi Fertigasi

Penerangan Projek:

Penggunaan Teknologi Fertigasi sebagai kaedah pengeluaran berteknologi tinggi memerlukan peralatan, bahan dan input pertanian yang khusus serta kemahiran pertanian dan pengurusan yang tersendiri. Selain menghasilkan pengeluaran yang tinggi dan bermutu, kaedah ini membolehkan Amalan Pertanian Baik (GAP) dipatuhi dan hasil pertanian selamat digunakan oleh manusia. Perluasan teknologi fertigasi dijangka meramaikan lagi usahawan pertanian yang menggunakan teknologi tinggi dalam aktiviti pengeluaran mereka. Keperluan kawasan yang kecil, pengurusan ladang secara persis dan mesra alam sekitar membolehkan teknologi ini digunakan oleh lebih ramai petani/pengusaha.

Skop:

i. Pembangunan Teknologi Fertigasi Model Fertigasi Rakyat

Kadar maksimum RM100,000/usahawan bagi teknologi fertigasi tertutup meliputi pembersihan kawasan, infrastruktur ladang, pembinaan 20 unit (SPH) berukuran 11' x 80' & kelengkapannya, plastik penutup, polytank (1200L), motor pam elektrik (1hp), digital timer, paip PVC, polibeg, silvershine, penitis/nipple, baja fertigasi, dan racun perosak, bahan-bahan input serta jenterapertanian dan peralatan ladang.

ii. Pembangunan Teknologi Fertigasi Terbuka

Kadar maksimum RM50,000/usahawan bagi teknologi fertigasi terbuka meliputi pembersihan kawasan, infrastruktur ladang, penyediaan sistem fertigasi, bahan-bahan input serta jentera pertanian dan peralatan ladang.

Outcome:

- i. Peningkatan pengeluaran sebanyak 1,900 tan metrik pada tahun 2016.
- ii. Pendapatan purata sekurang-kurangnya RM4,000/orang/bulan.

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
<p>Memperluaskan penggunaan teknologi fertigasi kepada petani dan menggunakan tanah yang kurang subur untuk penanaman secara fertigasi.</p>	a) Pembersihan kawasan ladang.	- Bil Polibeg	- 480,000	2016
	b) Membina struktur pelindung hujan (SPH).	- Keluasan (ha)	- 48	2016
	c) Menyediakan infrastuktur ladang merangkumi binaan jalan ladang, sistem pengairan, sistem perparitan dan pagar sempadan dan pembersihan kawasan.	- Bilangan Petani (orang)	- 160	2016
	d) Penyediaan input pertanian seperti benih, baja, racun, jentera pertanian dan peralatan kecil ladang.	- Pengeluaran (tan)	- 1,900	2016
		- Pendapatan (RM / orang / bulan)	- 4,000	2016



5. Projek Pembangunan Industri Tanaman Kelapa

Penerangan Projek:

Permintaan kelapa tua pada tahun 2020 dijangka sebanyak 1.2 billion setahun dengan kadar perkapita penggunaan kelapa sekitar 20 biji seorang setahun. Pengeluaran kelapa tempatan perlu cukup bekalan dengan pelaksanaan program penanaman semula kelapa dalam RMK ke 11 dan Malaysia tidak boleh terus mengimport kelapa tua dari negara jiran kerana potensi serangan penyakit merbahaya yang berasal dari negara tersebut boleh memusnahkan industri kelapa tempatan. Negara kini masih mengimport sekitar 80 - 100 juta biji kelapa tua setahun untuk menampung kekurangan bekalan kelapa tempatan bagi jualan segar dan untuk kilang memproses kelapa. Program pembangunan industri kelapa perlu dilaksanakan secara sistematik bagi memastikan pengeluaran kelapa untuk keperluan dalam negara mencukupi dan pendapatan petani terjamin. Komoditi kelapa adalah merupakan salah satu hasil pertanian yang sangat penting dalam menyumbang kepada ekonomi negara

Skop:

- i. Pembangunan infrastruktur (pembersihan kawasan, perparitan, pagar).
- ii. Input-input pertanian seperti baja dan racun perosak termasuk benih sulaman dan input tanaman integrasi.
- iii. Pembaikan infrastruktur seperti menaiktaraf sistem perparitan dan pagar; input-input pertanian serta sulaman atau integrasi dengan komoditi lain yang boleh menambah pendapatan seperti pisang, nanas, koko, kopi, serai dan lebah madu, termasuk ternakan dan ternakair.
- iv. Pembangunan kawasan melalui pendekatan Pengurusan Berpusat.
- v. Pengeluaran benih kelapa berkualiti di pusat-pusat pertanian Jabatan Pertanian di samping membangunkan ladang-ladang pokok induk dan tapak semaian benih.
- vi. Pembangunan projek adalah untuk keluasan empat (4) hektar atau kurang.
- vii. Pemantauan dan Penilaian Projek.

Kadar Maksimum:

- i. Tanam Semula : RM20,000/ha (4 tahun)
